

# APLIKASI LATIHAN SPIRITUAL ISLAM SECARA DIGITAL DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

## *SPIRITUAL ISLAMIC DIGITAL TRAINING APPLICATION IN STUDENTS' DEVELOPMENT IN UNIVERSITY MALAYSIA PAHANG*

Mohd. Suhardi Mat Jusoh<sup>1</sup>  
Noorhuzaimi @ Karimah Mohd Noor<sup>2</sup>  
Rashidi Abbas<sup>3</sup>  
Mohd Nasir Ayub<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Malaysia (E-mail : suhardi@ump.edu. my)

<sup>2</sup> Fakulti Komputeran, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Malaysia (E-mail : nhuzaimi@ump.edu. my)

<sup>3</sup> Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Malaysia (E-mail : rashidi@ump.edu. my)

<sup>4</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang  
Kampus Raub (E-Mail : mnasir251@uitm.edu.my)

### Article history

Received date : 17-3-2022

Revised date : 18-3-2022

Accepted date : 15-6-2022

Published date : 15-7-2022

### To cite this document:

Jusoh, M.S.M., Noor, N.K.M., Abbas, R. & Ayub, M.N. (2022). Aplikasi Latihan Spiritual Islam Secara Digital Dalam Program Pembangunan Pelajar Di Universiti Malaysia Pahang. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 310 - 319.

**Abstrak:** *Kajian ini adalah untuk menilai tahap kebolegunaan dan keberkesanan aplikasi latihan spiritual Islam berbantuan modul digital latihan tazkiyah al-nafs dalam program pembangunan spiritual pelajar di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Reka bentuk kajian ini berbentuk kajian penerokaan berasaskan pendekatan kajian kualitatif iaitu data-data kajian dikumpul dari laporan refleksi program dan kajian temubual dengan peserta-peserta program latihan spiritual Islam. Seramai 15 orang peserta telah terlibat dalam program latihan ini dan responden kajian telah dipilih secara persampelan tujuan bagi tujuan penilaian aplikasi latihan. Data-data kualitatif telah dianalisis secara induktif bagi menjawab soalan-soalan kajian apakah, bagaimanakah dan sejauhmanakah dalam konteks kajian kualitatif. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan aplikasi latihan spiritual Islam berbantuan modul digital ini dapat diaplikasi dan memberi impak yang sangat positif kepada setiap peserta. Akhirnya, kajian ini merumuskan bahawa aplikasi latihan spiritual Islam berbantuan modul digital amat sesuai diaplikasikan dalam program pembangunan spiritual pelajar bagi mempertingkatkan nilai kualiti spiritual dan kesejahteraan diri pelajar.*

**Kata kunci:** *Modul digital, Latihan Spiritual Islam, Konsistensi*

**Abstract:** *This study evaluates the level of usability and effectiveness of Islamic spiritual training application with the help of a digital module of tazkiyah al-nafs training in the student spiritual development program at Universiti Malaysia Pahang (UMP). The design of this study is an exploratory study based on a qualitative research approach. The data were collected from*

*program reflection reports and study interviews with participants in Islamic spiritual training programs. Fifteen participants were involved in this training program, and the study respondents were selected by purposive sampling to evaluate training applications. Qualitative data were analyzed inductively to answer the research questions of what, how and to what extent in qualitative research. Overall, the study's findings show that the application of Islamic spiritual training with the help of this digital module can be applied and have a very positive impact on each participant. Finally, this study concludes that the application of Islamic spiritual training with the help of digital modules is very suitable for students' spiritual development programs to enhance the value of spiritual quality and well-being of students.*

**Keywords:** *Digital Module, Islamic Spiritual Training, Consistency*

### **Pengenalan**

Aspek pembangunan nilai dan didikan akhlak yang konsisten terhadap seseorang individu merupakan suatu faktor yang dapat menjamin keutuhan, daya saing dan kesejahteraan masyarakat. Dalam konteks ini, aspek pembentukan nilai dan kecemerlangan insan berteraskan pendidikan spiritual yang berkualiti dapat melahirkan individu-individu yang memiliki ciri-ciri keperibadian diri yang unggul kerana aspek kerohanian insan adalah sumber kebaikan terhadap diri seseorang dan masyarakat seluruhnya (Qutb, 1993). Sehubungan itu, terdapatnya suatu keperluan agar seseorang individu menjalani latihan spiritual Islam bagi meningkatkan nilai kualiti spiritualnya pada setiap masa (Hawwā, 1995).

Dalam bidang kesufian Islam, latihan spiritual dikenali sebagai amalan tazkiyah al-nafs dan ia merujuk kepada proses pembangunan empat elemen utama kerohanian insan iaitu al-ruh, al-qalb, al-'aql dan al-nafs (Najihah, 2015). Ini bermakna proses pembangunan spiritual melalui pendekatan tazkiyah al-nafs merupakan suatu bentuk latihan spiritual yang berterusan ke arah pembersihan jiwa dari sifat-sifat yang tercela melalui satu mekanisme khusus sehingga al-nafs tersebut dapat disembuhkan daripada pelbagai penyakit spiritual dalam usaha menerbitkan perilaku yang positif (Stapa, 2001). Dalam konteks ini, di antara mekanisme latihan spiritual yang dapat dilaksanakan adalah dengan melaksanakan secara bersungguh-sungguh setiap amalan keislaman melalui dimensi amalan tazkiyah al-nafs berasaskan model tazkiyah al-nafs al-Ghazali iaitu musyaratah, muraqabah, mujahadah, muhasabah dan mu'aqabah (Hawwa, 1995).

Berdasarkan kepada kelima-lima dimensi ini, maka penyelidik telah membangunkan model latihan spiritual Islam secara digital bagi mengukur tahap pencapaian diri peserta dalam program latihan spiritual Islam serta. Sehubungan itu, objektif khusus penyelidik melaksanakan kajian ini adalah untuk menilai tahap kebolegunaan dan keberkesanan latihan spiritual Islam berbantuan modul digital latihan tazkiyah al-nafs bagi memenuhi keperluan pembangunan nilai kualiti spiritual seseorang individu.

### **Kajian Literatur**

Aspek keagamaan memainkan peranan yang cukup besar dalam pembangunan spiritual seseorang kerana ia dapat membentuk tingkah laku, tindakan dan keputusan seseorang individu. Perkara ini bertepatan dengan sifat agama yang menjadi salah satu keperluan spiritual yang sentiasa mendampakan kebahagiaan dan ketenangan jiwa (Noordin, 2017). Sehubungan itu, pembangunan spiritual yang berteraskan agama meletakkan suatu garis sempadan yang jelas dalam menentukan tindakan dan perilaku luaran seseorang antara perkara yang betul dan salah.

Secara tidak langsung juga, spiritual yang bersih akan menghantar mesej yang positif iaitu rasa dan ilham ke arah mencintai kebenaran dan menolak kejahatan (Lee, 2009). Perkara ini adalah benar kerana terdapatnya kajian-kajian lepas dan terkini yang mengakui bahawa penglibatan agama adalah saling diperlukan dalam meningkatkan kesihatan mental dan spiritual terutamanya dalam mengurangkan gejala-gejala jiwa yang negatif seperti depression, substance abuse dan suicide. (Bonelli,2013).


Selain itu, elemen-elemen keagamaan sangat diperlukan dalam mencegah perilaku yang menyimpang (delinquency) dalam diri seseorang (Finney, 1985). Dalam aspek pekerjaan, elemen spiritualiti didapati berupaya mencegah perilaku penyelewengan dan negatif dalam sesebuah organisasi (Ahmad, 2014). Begitu juga, elemen spiritual yang berteraskan agama merupakan unsur dalaman yang mampu mempengaruhi seseorang individu yang bermasalah kerana ia mampu mencipta makna dan kepercayaan dalam diri manusia (Hamimah, 2014). Melalui sorotan beberapa dapatan kajian di atas, dapat dibuktikan dengan jelas tentang keperluan agama dan spiritual dalam mempertingkatkan nilai kualiti spiritual seseorang individu. Ini kerana proses pembangunan spiritual berasaskan agama merupakan suatu latihan untuk melaksanakan tuntutan agama yang selari dengan tuntutan keimanan kepada Allah S.W.T. dengan meletakkan aspek spiritual agar sentiasa berhubung secara positif dengan penciptanya dan sesama manusia (Khamim, 2016). Sebagai natijahnya, nilai taqwa dapat direalisasikan dan ia merupakan elemen terpenting dalam program latihan spiritual seseorang berasaskan agama (Ahmad, M., 2016). Namun begitu, bagi sesetengah sarjana barat, spiritual dan keagamaan adalah sesuatu yang tidak sama, akan tetapi kedua-dua perkara tersebut sangat berkaitan (Saari, 2017).

Berdasarkan kepada sorotan kajian-kajian lepas, adalah jelas terdapatnya suatu keperluan yang mendesak untuk membangunkan suatu model latihan spiritual Islam yang komprehensif melalui mekanisme amalan pembersihan jiwa (tazkiyah al-nafs) bagi menilai tahap pencapaian diri peserta dalam program latihan spiritual. Walau bagaimana pun melalui sorotan kajian-kajian lepas, didapati tidak terdapat banyak data emperikal yang dapat menjelaskan secara holistik mekanisme latihan spiritual berasaskan agama dalam kerangka pembangunan nilai kualiti spiritual seseorang individu. Sehubungan itu, kajian yang dijalankan oleh penyelidik iaitu aplikasi latihan spiritual Islam secara digital merupakan kajian yang berbentuk penerokaan bagi melengkapkan kelompangan kajian-kajian lepas iaitu dalam aspek pembangunan reka bentuk model latihan spiritual Islam secara digital bagi memenuhi keperluan dan objektif pendidikan spiritual Islam masa kini.

### **Model Latihan Spiritual Islam Secara Digital**


Secara khusus, model latihan spiritual Islam secara digital yang dibangunkan oleh penyelidik adalah berasaskan model latihan tazkiyah al-nafs al-Ghazali. Berdasarkan model ini, penyelidik telah memilih lima dimensi amalan tazkiyah al-nafs iaitu musyaratah, muraqabah, mujahadah, muhasabah dan mu'aqabah sebagai mekanisme utama latihan tazkiyah al-nafs. Dalam konteks ini, musyaratah berada di tahap pertama dan ia menuntut agar seseorang menetapkan sejumlah amalan yang dapat membersihkan jiwanya sama ada secara harian atau mingguan. Seterusnya, muraqabah iaitu suatu keadaan yang menuntut agar seseorang melaksanakan setiap amalan ketaatan dengan penuh ikhlas dengan meletakkan pengawasan Allah S.W.T. terhadap segala bentuk perbuatannya dan ia berada di tahap yang kedua (Hawwa, 1995).

Manakala mujahadah sebagai tahap yang ketiga menuntut agar seseorang individu berusaha bersungguh-sungguh untuk memperbaiki prestasi ibadatnya serta memantapkan keimanannya kepada Allah S.W.T. Seterusnya, muhasabah iaitu tahap keempat dan ia merupakan suatu keadaan yang menuntut agar seseorang individu menilai semula hasil usahanya sendiri terhadap amalan-amalan yang telah dilaksanakannya sama ada dalam perkara fardu, sunat atau perkara kemaksiatan. Akhirnya, mu'aqabah sebagai tahap yang terakhir menuntut agar seseorang perlu menghukum dirinya sendiri atas kelemahan jiwanya melaksanakan perkara ketaatan dengan sebaik-baiknya (Hawwa, 1995). Berdasarkan kepada kelima-lima tahap dimensi amalan tazkiyah al-nafs ini, maka model latihan spiritual Islam ini telah dapat dibangunkan seperti berikut :




**Rajah 1: Model Latihan Spiritual Islam Berteraskan Amalan Tazkiyah Al-Nafs Al-Ghazali**

Berdasarkan model latihan spiritual Islam yang dibangunkan ini, maka modul digital latihan spiritual Islam telah dapat dibangunkan oleh penyelidik melalui hubungan entiti yang berikut :



**Rajah 2: Hubungan Entiti Modul Digital Latihan Spiritual Islam**

Seterusnya, paparan muka depan (interface) modul digital latihan spiritual Islam dapat dipaparkan dan bagi tujuan latihan, setiap peserta perlu mendaftar diri sebagai pengguna sistem sama ada peserta akan mengikuti satu penilaian baru atau mengemaskini penilaian latihan spiritual yang terdahulu.



**Gambar 1: Paparan Muka Depan Modul Digital Latihan Spiritual Islam**

Dalam menjalani latihan spiritual Islam berbantuan modul digital ini, tahap pencapaian diri peserta akan dinilai berdasarkan lima tahap dimensi amalan tazkiyah al-nafs iaitu 1) musyaratah 2) muraqabah 3) mujahadah 4) muhasabah dan 5) mu'aqabah. Parameter utama yang dapat mengukur tahap pencapaian diri dalam kelima-lima dimensi amalan ini ini aspek konsistensi (Mohd.Suhardi,2018). Konsistensi pula merujuk kepada suatu elemen yang menentukan tahap kejayaan latihan spiritual yang dilaksanakan oleh seseorang peserta dalam satu tempoh masa yang tertentu (Picken, 2011).

Secara khusus, terdapat empat kategori amalan tazkiyah al-nafs yang perlu dilaksanakan oleh peserta di tahap musyaratah iaitu amalan fardu (1-5), sunat mu'akkad (6-10) amalan sunat dan mustahab (11-20). Setiap amalan keislaman ini diberikan nilai markah khusus dan markah kumulatif bagi keseluruhan amalan tazkiyah al-nafs adalah 100 markah. Paparan markah yang diperolehi oleh setiap peserta di dalam modul digital ini dapat ditunjukkan seperti berikut :

Minggu 2

NO	AMALAN TN (PETUNJUK PRESTASI)	JUMAAT	SABTU	AHAD	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS
1	MUSYARATAH (MARKAH TN HARIAN)	81	88	71	58	73	71	80
2	MUJAHADAH (Tahap Mujahadah)	4	4	3	2	3	3	4
3	MURAQABAH (Tahap Pengawasan diri)	4	4	3	2	3	3	4
4	MUHASABAH (Tahap Pencapaian Diri)	4	4	3	2	3	3	4
5	MU'AQABAH (Proses Islah)	4	4	3	2	3	3	4

Pencapaian: SANGAT BAIK - Tahap Mujahadah al-Nafs Anda adalah Tinggi

Tutup Ulasan

**Jadual 1: Paparan Markah Kumulatif Peserta Dalam Lima Dimensi Amalan Tazkiyah al-Nafs**

Sehubungan itu, semua amalan keislaman yang menjadi wasilah tazkiyah al-nafs perlu dilaksanakan oleh peserta di tahap musyaratah dan pelaksanaan setiap amalan tersebut akan direkodkan dalam modul digital ini seperti berikut :

MUSYARATAH								
ARAHAN : Sila pilih petak amalan yang anda laksanakan dan tinggalkan kosong pada petak amalan yang anda tidak laksanakan mengikut hari dan minggu yang betul.								
NO	AMALAN TN (PETUNJUK PRESTASI)	JUMAAT	SABTU	AHAD	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS
1	Solat Fardu Subuh (Awal Waktu /B)	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Solat Fardhu Zuhur (Awal Waktu /B)	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Solat Fardhu Asar (Awal Waktu / B)	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
4	Solat Fardhu Maghrib (Awal Waktu /B)	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
5	Solat Fardhu Isya' (Awal Waktu / B)	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>

**Jadual 2: Amalan Fardu Di Tahap Musyaratah**

MUSYARATAH								
ARAHAN : Sila pilih petak amalan yang anda laksanakan dan tinggalkan kosong pada petak amalan yang anda tidak laksanakan mengikut hari dan minggu yang betul.								
NO	AMALAN TN (PETUNJUK PRESTASI)	JUMAAT	SABTU	AHAD	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS
6	Tahajjud (2 Rakaat)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Taubat Nesuha (Sebelum Tidur)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Solat Sunat Fajar (2 Rakaat)	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Solat Sunat Dhuha (2 Rakaat)	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
10	Solat Sunat Witir (1 Rakaat)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**Jadual 3: Amalan Sunat Mua'akkad Di Tahap Musyaratah**


MUSYARATAH								
ARAHAN : Sila pilih petak amalan yang anda laksanakan dan tinggalkan kosong pada petak amalan yang anda tidak laksanakan mengikut hari dan minggu yang betul.								
NO	AMALAN TN (PETUNJUK PRESTASI)	JUMAAT	SABTU	AHAD	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS
11	Tafakkur (Waktu Fajar)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12	Tilawah Al-Quran (Waktu Fajar)	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
13	Tadabbur Al-Quran (Waktu Maghrib)	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14	Zikrullah 1 (100 X Kalimah Tauhid)	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
15	Zikrullah 2 (100 X Istighfar)	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>

**Jadual 4: Amalan Sunat Di Tahap Musyaratah**

MUSYARATAH								
ARAHAN : Sila pilih petak amalan yang anda laksanakan dan tinggalkan kosong pada petak amalan yang anda tidak laksanakan mengikut hari dan minggu yang betul.								
NO	AMALAN TN (PETUNJUK PRESTASI)	JUMAAT	SABTU	AHAD	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS
16	Zikrullah 3 (100 X Solawat)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
17	Khidmat Masyarakat	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
18	Sedekah / Infaq	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
19	Mengingati Mati (Sebelum Tidur)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
20	Puasa Sunat (Isnin / Khamis)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**Jadual 5: Amalan Sunat dan Mustahab di Tahap Musyaratah**

Bagi melihat tahap pencapaian diri setiap peserta dalam setiap program latihan spiritual Islam, modul digital ini akan memaparkan carta bar markah bagi setiap amalan tazkiyah al-nafs yang dilaksanakan oleh peserta dan ia dipaparkan seperti berikut :



**Rajah 3: Tahap Pencapaian Dan Konsistensi Latihan Spiritual Islam Secara Digital**

### Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai tahap kebolegunaan dan keberkesanan latihan spiritual Islam berbantuan modul digital latihan tazkiyah al-nafs yang telah dibangunkan oleh penyelidik.

### Metodologi Kajian

Kajian kebolegunaan aplikasi latihan spiritual Islam berbantuan modul digital latihan tazkiyah al-nafs dilaksanakan berasaskan reka bentuk kajian penerokaan (exploratory research) bagi mengkaji sesuatu isu yang belum pernah dilakukan oleh mana-mana penyelidik (Marican,2006). Dalam konteks ini, data-data kajian telah dikumpulkan secara kualitatif berdasarkan laporan refleksi latihan tazkiyah al-nafs serta kajian temubual dengan peserta-peserta yang terlibat dalam program latihan

spiritual Islam di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Seramai 15 orang responden telah terlibat dalam kajian ini melalui kaedah persampelan bertujuan dan penyelidik sendiri adalah sebahagian dari peserta kajian. Data-data kualitatif yang diperolehi telah dianalisis secara induktif bagi menjawab soalan-soalan kajian adakah, bagaimanakah dan sejauhmanakah dalam konteks kajian kualitatif.

### **Dapatan Kajian**

Data-data kualitatif telah dianalisis berdasarkan laporan refleksi dan dapatan kajian temubual dengan setiap peserta yang telah terlibat dalam program latihan spiritual Islam secara digital di Universiti Malaysia Pahang bagi tahun 2021. Ringkasan dapatan peserta terhadap kebolegunaan dan keberkesanan latihan spiritual Islam berbantuan modul digital latihan tazkiyah al-nafs dapat dijelaskan seperti yang berikut :

#### **S.1. Bagaimana tahap penerimaan anda terhadap modul latihan tazkiyah al-nafs secara digital ?**

**Peserta (1):** “Membantu mengetahui sejauhmana amalan kehidupan seharian kita dan melatih diri untuk lebih istiqamah.”

**Peserta (2):** “Modul tazkiyah al-nafs membentuk diri untuk lebih istiqamah dengan amalan kehidupan seharian.”

**Peserta (3):** “Dapat mengetahui dan menambahkan lagi pelbagai amalan- amalan yang boleh kita jadikan sebagai rutin harian.”

**Peserta (4):** “Memberi kemudahan kepada saya dalam mencatat amalan-amalan yang dilakukan. Dengan adanya sistem ini, saya dapat mencatat amalan- amalan yang saya lakukan dengan mudah dan cepat.”

#### **S.2. Adakah modul latihan tazkiyah al-nafs secara digital ini memberi impak yang tinggi dalam aspek pembangunan spiritual diri anda ?**

**Peserta (1):** “Modul digital ini akan mempamerkan graf amalan kita hasil daripada yang telah kita tandakan. Daripada situ kita dapat tahu amalan mana yang perlu kita menambah baik.”

**Peserta (2):** “Sistem ini juga dapat menunjukkan trak amalan harian, mingguan dan bulanan kita supaya mana kita dapat sedar akan kelalaian kita dari masa ke semasa.”

**Peserta (3):** “ Secara keseluruhan, modul ini sangat bermanfaat untuk digunakan bagi memudahkan individu untuk mendisiplinkan diri dalam melakukan amalan wajib dan sunat dalam kehidupan seharian.”

**Peserta (4):** “ Dengan adanya sistem tazkiyah al-nafs ini, kehidupan seharian saya lebih teratur dan berharap akan dapat istiqamah dalam melakukan amalan seharian.”

#### **S.3. Adakah modul latihan spiritual secara digital ini dapat memberikan kemahiran baru kepada diri anda ?**

**Peserta (1):** “Terdapat amalan wajib, amalan sunat, zikir harian yang perlu kita tanda dalam modul ini apabila selesai melakukan amalan tersebut.”

**Peserta (2):** “Ringkasan daripada checklist amalan yang ditanda juga dipamerkan dalam modul digital ini dan saya dapat mengetahui sejauhmana perkembangan amalan harian untuk dipertingkatkan lagi.”



**Peserta (3):** “Mendidik kita supaya lebih berusaha dan istiqamah dalam melakukan amal kebaikan.”

**Peserta (4):** “Dengan adanya sistem tazkiyah al-nafs ini, kehidupan seharian saya lebih teratur dan berharap akan dapat istiqamah dalam melakukan amalan-amalan seharian.”

#### **S.4. Sejauhmanakah keberkesanan ilmu dan kemahiran yang diperolehi dalam modul latihan spiritual secara digital dapat diaplikasikan dalam situasi sebenar?**

**Peserta (1):** “Modul ini sangat bagus dan bermanfaat jika diaplikasikan oleh setiap orang kerana ia dapat mendisiplinkan diri dalam melakukan ibadah seharian kita.”

**Peserta (2):** “Secara keseluruhan, modul ini sangat bermanfaat untuk digunakan bagi memudahkan individu untuk mendisiplinkan diri dalam melakukan amalan wajib dan sunat dalam kehidupan seharian.”

**Peserta (3):** “Sistem ini juga dapat menunjukkan animasi, graf atau trend tahap prestasi amalan diri kita bagi harian, mingguan dan bulanan.”

**Peserta (4):** “Sangat membantu dalam proses kita ingin mendekati diri kita dengan Allah S.W.T. dan juga untuk terus istiqamah dalam melakukan ibadah.”

#### **Kesimpulan**

Berdasarkan data- data kualitatif di atas, kajian ini dapat merumuskan latihan spiritual Islam berbantuan modul digital latihan tazkiyah al-nafs dapat diaplikasi dalam program latihan spiritual Islam dan ia memberi impak yang sangat positif bagi menilai tahap pencapaian diri setiap peserta dalam aspek konsistensi diri. Kajian ini juga mendapati, latihan spiritual Islam secara digital berasaskan modul ini amat sesuai untuk diaplikasikan dalam bidang latihan kerohanian Islam bagi mempertingkatkan nilai kualiti spiritual kerana setiap amalan keislaman yang dipraktikan dapat diukur sama ada seseorang peserta dapat konsisten atau pun tidak. Konsistensi diri pula adalah elemen yang sangat penting dalam latihan spiritual Islam kerana faktor kecelaan perbuatan seseorang adalah berpunca dari jiwa dan hati yang tidak terbangun secara konsisten sebagai akibat dari kegagalan melawan pengaruh hawa nafsu dan syaitan sehingga mengakibatkan hatinya dikuasai oleh nafs al-ammārah.

Selain itu, keberkesanan latihan spiritual Islam berbantuan modul digital ini akan menjadi lebih bermakna sekiranya wujud hubungan yang konsisten antara peserta dan mursyid sebagai pembimbing program latihan spiritual ini. Dalam aspek ini, penglibatan mursyid merupakan satu faktor yang dapat memberi nilai tambah terhadap keberkesanan modul latihan digital ini. Ini kerana, peranan seorang mursyid adalah untuk membimbing setiap peserta agar proses transformasi diri dapat dilaksanakan secara konsisten di tahap mu’aqabah. Dapatan kajian ini menunjukkan peranan seseorang guru mursyid adalah sangat penting dalam latihan spiritual Islam agar seseorang peserta dapat mengendalikan dirinya secara konsisten melalui proses mujahadah. Dengan itu, latihan spiritual Islam secara digital ini dapat memenuhi suatu kriteria penting dalam latihan spiritual Islam iaitu aspek riyādah al-nafs sebagai suatu latihan sendiri untuk seseorang melaksanakan latihan jiwa ke arah kebaikan secara berperingkat, daripada sesuatu yang ringan kepada berat sehingga mencapai satu keadaan di mana perkara-perkara yang berat menjadi ringan. Di sinilah terletaknya kepentingan konsistensi yang menjadi pengukur utama tahap pencapaian diri dalam latihan spiritual Islam berbantuan modul digital latihan tazkiyah al-nafs.

## Rujukan

- Ahmad, A. et.al.(2014).Reducing Deviant Behavior through Workplace and Job Satisfaction. *Journal of Asian Sciences*, Vol.10, No. 19.
- Ahmad, M. et.al. (2016). A Model of Spirituality for Ageing Muslims. *Journal of Relig Health*. al-Ghazali dan Ibnu Qayyim. *Jurnal al-Turath*.
- Bonelli, R.M. et. al. (2013). Mental Disorders, Religion and Spirituality 1990 to 2010 : A Systematic Evidence-Based Review. *Journal Relig Health*.
- Finney, J.R. & Maloney, H.N (1985), Emperical Studies of Christian Prayer. A Review of the literature. *Journal of Psychology and Theology*, 13,104-115.
- Hawwā, S. (1995). *al-Mustakhlās Fi Tazkiyah al-Nafs*. Qāhirah: Dar al-Salām.
- Hawwā, S. (1997). *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah*, Qāhirah: Dār al-Salām.
- Jodi, K.H.M. et.al.(2014). Penerapan Agama Dalam Modul Psikospiritual dan Kesannya Terhadap Kesihatan Spiritual : Kajian Kes Di Kompleks Dar Assaadah Kuala Lumpur. *Jurnal Syariah*. Jil 22, Bil. 1.
- Khamim, N. (2016). Pemikiran Danah Zohar dan Ian Marshall Tentang Kecerdasan Spiritual Dalam Perspektif Pendidikan Agama Islam, Attaqwa, *Jurnal Pendidikan Islam*. Vol.12, No. 1.
- Lee, S. (2009), Conflicts of Consciences.*Tesis Sarjana Undang–Undang*. McGill University, Montreal.
- Marican, S. (2009), *Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves : Edusystem Sdn. Bhd.
- Najihah, F. et.al. (2015). Nilai-Nilai Pembangunan Modal Insan Menurut al-Ghazali. *International Journal Of Islamic and Civilizational Studies*.
- Noordin, Z.N. et.al. (2017). Perbandingan Proses Tazkiyah al-Nafs Menurut Imam
- Picken, G. (2011), *Spiritual Purification in Islam*. New York : Routledge.
- Qutb, M. (1993). *Manhaj al-Tarbiyah al-Islāmiyyah*. Qāhirah: Dār al- Syurūq.
- Saari, C.Z. et.al. (2017). Peranan Spiritual Dalam Rawatan Paliatif. *Jurnal Afkar*. Vol. 19, Issue 2.
- Saper, M.N. et.al. (2016). The Effects of Guidance Module In Islamic Perspective On The Religiosity Among Students With Misbehaviour Issues. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*.
- Stapa, Z. (1995) *Akhlaq dan Tasawwuf Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Stapa, Z. (2001) *Insan Kamil : Ciri dan Proses Pembentukan*. *Jurnal AFKAR*. Bil.2/2001.
- Suhardi, M. et.al. (2018). Pembangunan Kerohanian Menurut Model Tazkiyah al-Nafs al-Ghazali : Aplikasi Dalam Pelaksanaan Program Tarbiah di Asrama Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama ( SMKA), Pulau Pinang. *6th International Conference in Islamic Education 2016*, Grand Riverview Hotel, Kota Bharu.